

*Penambahbaikan telah diluluskan oleh
Mesyuarat Lembaga Perancang Bandar Malaysia Bil. 2/2024 pada 11 Julai 2024*



2019

**PERATURAN PENDAFTARAN
PERTUBUHAN PERBADANAN**

&

PERAKUAN PRAKTIS

1.0 PENGENALAN

1.1 Peraturan Pendaftaran Pertubuhan Perbadanan dan Perakuan Praktis/*Certificate Of Practice* (CoP) ini disediakan mengikut peruntukan Akta Perancang Bandar 1995 [Akta 538]. Lembaga Perancang Bandar Malaysia (LPBM) telah menetapkan bahawa setiap Perancang Bandar berdaftar yang hendak menjalankan amalan sebagai perancang bandar perlu mendaftarkan Pertubuhan Perbadanan dan CoP secara bersama. Pertubuhan Perbadanan yang mendapat kelulusan LPBM boleh menjalankan amalan sebagai perancangan bandar seperti berikut:

- a. boleh menggunakan gelaran “Perancang Bandar berdaftar” atau apa-apa gelaran dalam apa-apa bahasa yang boleh semunasabahnya ditafsirkan sebagai membayangkan bahawa ia ialah suatu Pertubuhan Perbadanan yang menjalankan amalan sebagai Perancang Bandar;
- b. boleh menggunakan atau mempamerkan apa-apa papan tanda, papan, kad atau alat lain yang menggambarkan atau membayangkan yang ia ialah suatu Pertubuhan Perbadanan yang menjalankan amalan sebagai Perancang Bandar; dan
- c. berhak mendapatkan dalam mana-mana mahkamah apa-apa fi, caj atau saraan bagi nasihat profesional atau khidmat profesional yang diberikan olehnya.

1.2 Pertubuhan Perbadanan

1.2.1 Merupakan syarikat yang didaftarkan di bawah Akta Pendaftaran Perniagaan 1956 [Akta 197] atau Akta Syarikat 2016 [Akta 777] boleh menjalankan amalan dalam bidang perancangan. Pertubuhan Perbadanan ini terdiri daripada Pemilikan Tunggal, Perkongsian atau Syarikat Sendirian Berhad.

1.3 Perakuan Praktis/*Certificate Of Practice* (CoP)

1.3.2 Merupakan kelulusan yang diberikan oleh LPBM kepada Perancang Bandar berdaftar untuk menjalankan amalan sebagai perancang bandar dan perlu didaftarkan bersama Pertubuhan Perbadanan. Seseorang Perancang Bandar berdaftar yang mempunyai CoP hendaklah melaksanakan semua tugas, tanggungjawab dan liabiliti sendiri.

2.0 OBJEKTIF

2.1 Objektif peraturan ini adalah seperti berikut:

- a. Memastikan komposisi Pertubuhan Perbadanan yang menjalankan amalan sebagai Perancang Bandar selaras dengan peruntukan Akta 538;
- b. Memastikan Pertubuhan Perbadanan yang berdaftar dengan LPBM adalah berkelayakan dan mampu menyediakan semua perkhidmatan perancangan bandar;
- c. Memastikan pematuhan kepada amalan dan etika profesional di kalangan Pertubuhan Perbadanan; dan
- d. Mewujudkan senarai Daftar yang komprehensif bagi Pertubuhan Perbadanan yang dikemas kini secara berkala (Tahunan).

3.0 HAK MENJALANKAN AMALAN SEBAGAI PERANCANG BANDAR

- 3.1 Setiap Perancang Bandar berdaftar yang mendaftarkan Pertubuhan Perbadanan dan CoP mempunyai hak untuk:
- Menyediakan rancangan pemajuan seperti Rancangan Struktur dan Rancangan Tempatan bagi maksud Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 [Akta 172] (*mandatori kepada Ketua Perunding*);
 - Menjalankan kajian perancangan pembangunan bandar, luar bandar dan wilayah, dan kajian kebolehlaksanaan dan penilaian kesan alam sekitar berhubung dengan kegunaan tanah (*mandatori kepada Ketua Perunding*); dan
 - Menyediakan dan mengemukakan permohonan kebenaran merancang, susun atur pecah bahagian, lakaran dan laporan perancangan kepada mana-mana orang atau pihak berkuasa awam bagi maksud membangunkan mana-mana tanah (*mandatori kepada orang yang layak menyediakan permohonan kebenaran merancang*).

4.0 PERATURAN PENDAFTARAN PERTUBUHAN DAN CoP

4.1 Pendaftaran Pertubuhan Perbadanan Yang Baharu

- 4.1.1 Perancang Bandar berdaftar yang ingin memulakan amalan sebagai perancang bandar hendaklah menubuhkan Pertubuhan Perbadanan. Perlu kemukakan cadangan **tiga (3) nama** dan **butiran** Pertubuhan Perbadanan untuk kelulusan LPBM secara dalam talian Sistem LPBM melalui **Borang 6 beserta fi** yang telah ditetapkan.
- 4.1.2 Permohonan nama Pertubuhan Perbadanan ini hendaklah mendapat kelulusan LPBM terlebih dahulu sebelum ianya didaftarkan dengan Pendaftar Perniagaan atau Pendaftar Syarikat.
- 4.1.3 Alamat Pertubuhan Perbadanan yang didaftarkan hendaklah menggunakan alamat premis komersial atau premis yang dibenarkan oleh LPBM sahaja.
- 4.1.4 Dalam satu masa, hanya dibenarkan mendaftar mana-mana kombinasi berikut:
- Pemilikan Tunggal dan Perkongsian
 - Pemilikan Tunggal/Perkongsian dan Syarikat Sendirian Berhad

4.2 Pertubuhan Perbadanan bagi Pemilikan Tunggal

- 4.2.1 Pertubuhan Perbadanan yang berdaftar di bawah Pemilikan Tunggal dengan Pendaftar Perniagaan hendaklah **dimiliki sepenuhnya** oleh seorang pemilik yang terdiri daripada orang perseorangan **Perancang Bandar berdaftar**.
- 4.2.2 Prinsipal hendaklah mendaftarkan Pertubuhan Perbadanan dan CoP secara dalam talian Sistem LPBM melalui **Borang 7, 7A beserta fi** yang telah ditetapkan.
- 4.2.3 Prinsipal juga dibenarkan mendaftarkan CoP kepada **dua (2) Perancang Bandar berdaftar yang bekerja sepenuh masa** di Pertubuhan Perbadanan miliknya secara dalam talian Sistem LPBM melalui **Borang 7B** beserta surat kebenaran pertubuhan perbadanan dan fi yang telah ditetapkan.
- 4.2.4 LPBM tidak akan mendaftarkan Pertubuhan Perbadanan dan CoP bagi Pemilikan Tunggal yang mana:-
- Prinsipalnya adalah seorang pekerja **bergaji penuh dalam Sektor Awam** atau **Syarikat Kepentingan Kerajaan (GLC)** di peringkat persekutuan dan negeri;

- b. Merupakan **pekerja sepenuh masa** dalam **Pertubuhan Perbadanan yang lain**; dan
- c. **Ahli Akademik di Institut Penggajian Awam.**

4.2.5 Dalam menamakan Pertubuhan Perbadanan, Perancang Bandar hendaklah menggunakan nama individu mereka, sebaik-baiknya dengan nama sepenuh atau menggunakan sebahagian daripada nama mereka.

Contoh:-

Muhammad Aliff Town Planning Services / Jururancang Bandar Chan Ki Keong
Md. Aliff Town Planning Services / Jururancang Bandar KK Chan
(*pengecualian yang telah berdaftar dengan MIP dan Pendaftar Perniagaan sebelum 1 Jun 2019*).

4.3 Pertubuhan Perbadanan bagi Perkongsian/Rakan Kongsi

4.3.1 Pertubuhan Perbadanan yang didaftarkan sebagai perkongsian dengan Pendaftar Perniagaan hendaklah dimiliki oleh sekurang-kurangnya dua (2) orang yang terdiri daripada:

- a. **Semua rakan kongsi** adalah orang perseorangan Perancang Bandar berdaftar (seorang hendaklah memegang ekuiti saham majoriti) atau **majoriti rakan kongsi** dalam Pertubuhan Perbadanan adalah orang perseorangan Perancang Bandar berdaftar (seorang hendaklah memegang ekuiti saham majoriti); atau
- b. Rakan kongsi lainnya adalah orang perseorangan yang terdiri daripada Jurutera Profesional, Jurukur Bahan, Jurukur Tanah, Arkitek dan mana-mana profesion bersekutu atau orang perseorangan lain yang berada dalam profesion yang ada hubungan dengan amalan perancangan bandar yang dibenarkan LPBM dengan syarat bahawa orang perseorangan **Perancang Bandar berdaftar** itu mempunyai kepentingan bagi mengawal yang **mempunyai tidak kurang 70 peratus** pemilikan saham perkongsian.

4.3.2 Prinsipal hendaklah mendaftarkan Pertubuhan Perbadanan dan CoP secara dalam talian Sistem LPBM melalui **Borang 7, 7A beserta fi** yang telah ditetapkan.

4.3.3 Prinsipal juga dibenarkan mendaftarkan CoP kepada **dua (2) Perancang Bandar berdaftar yang bekerja sepenuh masa** di Pertubuhan Perbadanan miliknya secara dalam talian Sistem LPBM melalui **Borang 7B** beserta surat kebenaran pertubuhan perbadanan dan fi yang telah ditetapkan.

4.3.4 LPBM tidak akan mendaftarkan Pertubuhan Perbadanan dan CoP bagi Perkongsian/Rakan Kongsi yang mana:-

- a. Prinsipalnya adalah seorang pekerja **bergaji penuh dalam Sektor Awam** atau **Syarikat Kepentingan Kerajaan (GLC)** di peringkat persekutuan dan negeri;
- b. Merupakan **pekerja sepenuh masa** dalam **Pertubuhan Perbadanan yang lain**; dan
- c. **Ahli Akademik di Institut Penggajian Awam.**

4.3.5 Dalam menamakan Pertubuhan Perbadanan, sebaik-baiknya nama tersebut mengandungi nama sebenar rakan kongsi atau akronim daripada singkatan nama-nama mereka.

Contoh:

Shah, Lim and Chan Town Planning Consultant/SLC Town Planning Consultant
(*pengecualian yang telah berdaftar dengan MIP dan Pendaftar Perniagaan sebelum 1 Jun 2019*).

4.4 Pertubuhan Perbadanan bagi Syarikat Sendirian Berhad

4.4.1 Syarikat Sendirian Berhad yang diperbadankan di bawah Akta 777 atau lain-lain Akta yang dikuatkuasakan oleh Kerajaan Malaysia.

4.4.2 Sebuah Syarikat Sendirian Berhad yang ingin menjalankan amalan sebagai perancang bandar hendaklah mempunyai bilangan Pengarah yang minimum seperti berikut :

- a. **Keseluruhannya** orang perseorangan yang adalah Perancang Bandar berdaftar;
- b. **Majoriti** orang perseorangan yang adalah Perancang Bandar berdaftar (seorang hendaklah memegang ekuiti saham majoriti), dan orang perseorangan lain yang adalah Jurutera Profesional, Juruukur Bahan, Jurukur Tanah atau Arkitek yang berdaftar di bawah mana-mana undang-undang bertulis berhubung dengan pendaftaran profesion itu; atau
- c. **Majoriti** orang perseorangan yang adalah Perancang Bandar berdaftar (seorang hendaklah memegang ekuiti saham majoriti) dan Perancang Bandar Siswazah berdaftar atau orang perseorangan lain yang berada dalam profesion yang ada hubungan dengan amalan perancangan bandar yang diiktiraf oleh LPBM.

4.4.3 Semua saham Syarikat Sendirian Berhad itu dipegang oleh sama ada orang yang disebut dalam para 4.4.2 (a), (b) atau (c) dan bahawa Perancang Bandar berdaftar itu hendaklah:

- a. Mempunyai kepentingan kawalan; dan
- b. Memegang ekuiti saham majoriti dalam Syarikat Sendirian Berhad itu yang ditetapkan oleh LPBM.

4.4.4 Keperluan di bawah para 4.4.3 (a) dan (b) hendaklah dikekalkan di sepanjang amalan dan apa-apa ketidak patuhan adalah tertakluk kepada pembatalan pendaftaran dengan LPBM.

4.4.5 Lembaga Pengarah (pemegang ekuiti saham) Syarikat Sendirian Berhad hendaklah mendaftarkan Pertubuhan Perbadanan dan CoP secara dalam talian Sistem LPBM melalui **Borang 7, 7A beserta fi** yang telah ditetapkan.

4.4.6 Lembaga Pengarah (pemegang ekuiti saham) Syarikat Sendirian Berhad juga dibenarkan mendaftarkan CoP kepada dua (2) Perancang Bandar berdaftar yang bekerja sepenuh masa di Pertubuhan Perbadanan miliknya secara dalam talian Sistem LPBM melalui **Borang 7B** beserta surat kebenaran pertubuhan perbadanan dan fi yang telah ditetapkan.

4.4.7 LPBM tidak akan mendaftarkan Pertubuhan Perbadanan dan CoP bagi Syarikat Sendirian Berhad yang mana:

- a. Prinsipalnya adalah seorang pekerja **bergaji penuh dalam Sektor Awam** atau **Syarikat Kepentingan Kerajaan (GLC)** di peringkat persekutuan dan negeri;
- b. Merupakan **pekerja sepenuh masa dalam Pertubuhan Perbadanan yang lain;** dan
- c. **Ahli Akademik di Institut Penggajian Awam.**

4.5 Biro Perundingan Universiti

4.5.1 Biro Perundingan ini ditubuhkan dengan kelulusan Universiti memberi khidmat nasihat, khidmat profesional, maklumat atau khidmat kepakaran atau apa-apa perkhidmatan yang diberikan oleh kakitangan akademik yang melibatkan penggunaan masa dan kepakaran di mana ahli akademik tersebut menerima upah, yuran profesional atau pun honororium.

4.5.2 Biro Perundingan Universiti yang ingin menjalankan amalan sebagai perancang bandar hendaklah dimiliki oleh sekurang-kurangnya dua (2) orang yang terdiri daripada:

- a. **Keseluruhannya** orang perseorangan yang adalah Perancang Bandar berdaftar (seorang hendaklah memegang ekuiti saham majoriti);
- b. **Majoriti** orang perseorangan yang adalah Perancang Bandar berdaftar (seorang hendaklah memegang ekuiti saham majoriti), dan orang perseorangan lain yang berdaftar di bawah mana-mana undang-undang bertulis berhubung dengan pendaftaran profesion itu; atau
- c. **Majoriti** orang perseorangan yang adalah Perancang Bandar berdaftar (seorang hendaklah memegang ekuiti saham majoriti) dan Perancang Bandar Siswazah berdaftar atau orang perseorangan lain yang berada dalam profesion yang ada hubungan dengan amalan perancangan bandar yang diiktiraf oleh LPBM.

4.5.3 Semua saham hendaklah dipegang oleh sama ada orang yang disebut dalam para 4.5.2 (a), (b) atau (c) dan bahawa Perancang Bandar berdaftar itu hendaklah:

- a. Mempunyai kepentingan kawalan; dan
- b. Memegang ekuiti saham majoriti yang ditetapkan oleh LPBM.

4.5.4 Keperluan di bawah para 4.5.3 (a) dan (b) hendaklah dikekalkan di sepanjang amalan dan apa-apa ketidak patuhan adalah tertakluk kepada pembatalan pendaftaran dengan LPBM.

4.5.5 Mendaftarkan Pertubuhan Perbadanan dan CoP secara dalam talian Sistem LPBM melalui **Borang 7, 7A** beserta surat kebenaran Universiti dan fi yang telah ditetapkan.

4.5.6 Biro Perundingan Universiti boleh menjalankan amalan sebagai perancang bandar seperti mana peruntukan di bawah perenggan 13(1)(a) dan (b) **kecuali** perenggan 13(1)(c) Akta 538.

4.6 Pertubuhan Perbadanan (Cawangan)

4.6.1 Mana-mana Pertubuhan Perbadanan boleh membuka pejabat cawangan di negeri lain, dengan syarat ia mempunyai Perancang Bandar berdaftar yang didaftarkan CoP di bawah Pertubuhan Perbadanan di pejabat cawangan tersebut. Ini adalah untuk memastikan Pertubuhan Perbadanan pada setiap masa melaksanakan tugas dan tanggungjawab kepada pelanggan dan orang awam secara profesional mengikut Kod Etika Profesional.

4.6.2 Mana-mana Pertubuhan Perbadanan yang ingin menubuhkan pejabat cawangan dikehendaki mematuhi peraturan berikut:

- a. Mendapatkan kelulusan bertulis daripada LPBM; dan
- b. Menamakan Perancang Bandar berdaftar yang bertanggungjawab di pejabat cawangan yang didaftarkan CoP di bawah Pertubuhan Perbadanan tersebut.

4.7 Permohonan

4.7.1 Semua Perancang Bandar berdaftar yang ingin menjalankan amalan sebagai perancang bandar dikehendaki untuk berdaftar dengan LPBM dibawah Pertubuhan Perbadanan beserta CoP.

4.7.2 Semua permohonan pendaftaran sebagai Pertubuhan Perbadanan dengan LPBM hendaklah dibuat menggunakan borang secara dalam talian Sistem LPBM beserta bayaran fi yang ditetapkan.

4.7.3 LPBM mempunyai hak untuk:

- a. Tidak meluluskan mana-mana permohonan Pertubuhan Perbadanan yang tidak menepati peraturan ini dan Akta 538; atau
- b. Membatalkan mana-mana Pertubuhan Perbadanan yang melanggar mana-mana ketetapan peraturan ini dan Akta 538; atau
- c. Tidak memperbaharui pendaftaran mana-mana Pertubuhan Perbadanan yang melakukan kesalahan mengikut Akta 538.

4.8 Pembaharuan

4.8.1 Semua Pertubuhan Perbadanan yang berdaftar dengan LPBM hendaklah memperbaharui pendaftaran Pertubuhan Perbadanan dan CoP secara tahunan **sebelum** tempoh **berakhir 31 Disember setiap tahun**.

4.8.2 Pembaharuan hendaklah dibuat secara dalam talian Sistem LPBM melalui **Borang 9, 9A dan 9B (jika ada) beserta fi** yang telah ditetapkan dan hendaklah disokong oleh dokumen berkaitan yang dinyatakan di dalam borang.

4.8.2 Pada pembaharuan suatu Pertubuhan Perbadanan dan CoP, LPBM boleh mengenakan terma, syarat dan sekatan tambahan yang difikirkan patut olehnya.

4.9 Pembatalan Pendaftaran Pertubuhan Perbadanan dan CoP

4.9.1 LPBM boleh membatalkan pendaftaran Pertubuhan Perbadanan jika:

- a. Pertubuhan Perbadanan itu atau mana-mana pengarahnya atau pemegang sahamnya telah melanggar atau tidak mematuhi atau tidak menjalankan mana-mana terma, syarat atau sekatan yang dikenakan oleh LPBM;
- b. Komposisi Lembaga Pengarah (pemegang ekuiti saham) Pertubuhan Perbadanan itu tidak lagi mematuhi peraturan ini dan perenggan 20(a) dan 20(b) Akta 538;
- d. Prinsipal atau Lembaga Pengarah yang telah diisytiharkan muflis oleh Jabatan Insolvensi Malaysia;
- e. Pertubuhan Perbadanan itu telah melanggar kehendak seksyen 24 Akta 538;
- f. Seorang pengarah atau pemegang saham Pertubuhan Perbadanan itu, sama ada dia seorang Perancang Bandar berdaftar atau bukan:
 - i. bersalah atas;
 - ii. telah melakukan;
 - iii. terbabit dalam; atau
 - iv. merupakan antara sebab mana-mana perbuatan atau hal yang dinyatakan dalam subseksyen 34(1); atau
- g. Wujud mana-mana hal keadaan di bawah seksyen 35 Akta 538 berhubungan dengan seorang pengarah atau pemegang saham Pertubuhan Perbadanan itu, sama ada dia seorang Perancang Bandar berdaftar atau bukan.

4.9.2 Apabila LPBM membatalkan Pertubuhan Perbadanan dan CoP, Pertubuhan Perbadanan itu hendaklah terhenti daripada menjalankan amalan sebagai Perancang Bandar.

4.9.3 Walau apa pun Pertubuhan Perbadanan itu berhak untuk mendapatkan dalam mana-mana mahkamah apa-apa fi, caj atau saraan bagi nasihat profesional atau khidmat profesional yang diberikannya jika nasihat atau khidmat itu diberikan sebelum tarikh penerimaan daripada LPBM tentang pembatalan Pertubuhan Perbadanan dan CoP.

4.9.4 Sesuatu Pertubuhan Perbadanan yang menjalankan amalan sebagai Perancang Bandar hendaklah memulangkan kepada LPBM sijil Pertubuhan Perbadanan dan CoP yang dikeluarkan LPBM kepadanya, dalam masa empat belas hari dari ia diberitahu melalui pos berdaftar mengenai pembatalan itu.

4.10 Pengeluaran Pendaftaran Pertubuhan Perbadanan dan CoP Baharu

4.10.1 LPBM boleh mengeluarkan suatu Pertubuhan Perbadanan dan CoP yang baharu kepada suatu Pertubuhan Perbadanan yang telah dibatalkan, apabila permohonan dibuat oleh Pertubuhan Perbadanan itu jika LPBM berpuas hati bahawa:

- a. Sebab yang membawa kepada pembatalan itu tidak lagi wujud; dan
- b. Komposisi Lembaga Pengarah dan pemegang saham Pertubuhan Perbadanan itu, pada masa permohonan itu dibuat, menepati peraturan ini dan seksyen 20 Akta 538.

4.10.2 Pada mengeluarkan suatu Pertubuhan Perbadanan dan CoP baharu, LPBM boleh mengenakan terma, syarat dan sekatan tambahan yang difikirkan patut olehnya.

4.11 Rayuan Terhadap Penolakan, Syarat dan Pembatalan

4.11.1 Maka tidak boleh ada rayuan terhadap:

- a. Penolakan LPBM untuk mengeluarkan permit kepada suatu Pertubuhan Perbadanan untuk menjalankan amalan sebagai Perancang Bandar;
- b. Apa-apa terma, syarat atau sekatan yang dikenakan oleh LPBM ke atas suatu permit; dan
- c. Pembatalan permit.

4.12 Permit/Sijil dan Chop Hidup

4.12.1 LPBM akan mengeluarkan:

- a. Suatu permit/sijil (borang 8) yang mengandungi nama individu, no perakuan praktis, nama dan no. pertubuhan perbadanan serta alamat; dan
- b. Tempoh sah laku sehingga 31 Disember tahun yang dikeluarkan.

4.12.2 Jika Pertubuhan Perbadanan kehilangan permit/sijil, maka LPBM boleh mengeluarkan pendua permit tersebut dengan mengenakan bayaran.

4.12.2 Chop hidup boleh digunakan hanya yang dikeluarkan oleh LPBM sahaja. LPBM mempunyai hak untuk menetapkan sesuatu bayaran serta meminda reka bentuk chop hidup dari masa ke semasa.

4.13 Bayaran Fi

4.13.1 Setiap permohonan baharu Pertubuhan Perbadanan dan Perakuan Praktis akan dikenakan bayaran fi yang merangkumi:

- a. Fi Permohonan Pertubuhan Perbadanan – RM50,00;
- b. Fi Permohonan Perakuan Praktis – RM50,00;
- c. Fi Pendaftaran Pertubuhan Perbadanan – RM400,00; dan
- d. Fi Pendaftaran Perakuan Praktis – RM200,00.


4.13.2 Setiap permohonan pembaharuan Pertubuhan Perbadanan dan Perakuan Praktis akan dikenakan bayaran fi yang merangkumi:

- a. Fi Pendaftaran Pertubuhan Perbadanan – RM400,00; dan
- b. Fi Pendaftaran Perakuan Praktis – RM200,00.

5.0 KUATKUASA

5.1.1 Peraturan ini hendaklah berkuat kuasa bermula 1 Jun 2019.

PERMOHONAN PENDAFTARAN PERTUBUHAN PERBADANAN (jika Pertubuhan Perbadanan belum diwujudkan)



PERMOHONAN PENDAFTARAN PERTUBUHAN PERBADANAN (jika Pertubuhan Perbadanan belum diwujudkan)

BORANG 6 Kelulusan Nama Pertubuhan Perbadanan

BORANG 6 FORM 6

PERMOHONAN BAGI KELULUSAN NAMA PERTUBUHAN PERBADANAN APPLICATION FOR APPROVAL OF NAME OF BODY CORPORATE

Nama pemohon:
Name of applicant:

Cadangan nama Pertubuhan Perbadanan (Mengikut keutamaan):
Proposed name of Body Corporate (According to priority):

1).....

2).....

Cadangan 3 nama Pertubuhan Perbadanan

3).....

Cadangan tarikh kuatkuasa Pertubuhan Perbadanan:
Proposed effective date for the Body Corporate:

Butiran Prinsipal/Rakan Kongsi Pertubuhan Perbadanan:
Particulars of Principals /Partners of the Proposed Body Corporate:

Nama Name	Profesion Profession	No. Pendaftaran Badan Profesional Registration No. With Professional Bodies	% Pemegang Saham % of Shareholder
.....
.....
.....
.....

PERTUBUHAN PERBADANAN SEDIA ADA (JIKA BERKAITAN)
PARTICULARS OF EXISTING A BODY CORPORATE (IF ANY)

TANDATANGAN PEMOHON
SIGNATURE OF APPLICANT

.....

.....

Jenis Firma :
Type of company :

No. Korporat MIP :
MIP Corporate No. :

No. Pendaftaran :
Registration No. :


No. Pendaftaran LPBM :
LPBM Registered No. :

Tarikh Permohonan :
Date of Application :

DOKUMEN YANG DIPERLUKAN

- Salinan surat daripada majikan terdahulu yang mengesahkan bahawa pemohon telah tidak bekerja dengan firma asal; atau
- Salinan surat pengesahan dari Naib Canselor bagi yang bekerja di institusi pengajian tinggi.
- Fi Permohonan RM50

PERMOHONAN PENDAFTARAN PERTUBUHAN PERBADANAN & PERAKUAN PRAKTIS (Permohonan Baharu)



PERMOHONAN PENDAFTARAN PERTUBUHAN PERBADANAN & PERAKUAN PRAKTIS (Pembaharuan Tahunan)



PERMOHONAN PENDAFTARAN PERTUBUHAN PERBADANAN & PERAKUAN PRAKTIS (Pembaharuan Tahunan)

**BORANG 9
FORM 9**

**PERMOHONAN PEMBAHARUAN PENDAFTARAN SEBAGAI PERTUBUHAN PERBADANAN
APPLICATION FOR RENEWAL OF REGISTRATION AS A BODY CORPORATE**

Nama / Pemilik Tunggal / Pemegang Saham Korporat
Name of Sole Proprietor/Partner/Body Corporate

Kemal Pendaftaran
Registered Address

Kemal Pertubuhan Perbadanan (jika berlainan dari alamat di atas)
Business Address (if different from above)

No. Pendaftaran Pertubuhan Perbadanan
Body Corporate Registration No.

No. Tel (Pegawai)
Tel No. (Staff)

No. Tel (Pegawai)
Tel No. (Staff)

No. Faks
Fax No.

Kemal Email
Email Address

1. MAKLUMAT "PEMILIK TUNGGAL/RAKAN KONGSI":
(Silip temp yang disediakan tidak mencukupi, sila lampirkan butiran terperinci)
DETAILS OF "SOLE PROPRIETOR/PARTNERS IN A PARTNERSHIP":
(If space provided is insufficient, please attach annex sheet)

Nama Name	% Pemegang Saham % of Shareholder	No. Pendaftaran LPBM LPBM Registered No.

2. AHLI LEMBAGA PENGARAH (BADAN KORPORAT):
(Silip temp yang disediakan tidak mencukupi, sila lampirkan butiran terperinci)
BOARD OF DIRECTORS IN A BODY CORPORATE:
(If space provided is insufficient, please attach annex sheet)

Nama Name	% Pemegang Saham % of Shareholder	No. Pendaftaran LPBM LPBM Registered No.

BORANG 9 Pembaharuan Pertubuhan Perbadanan

DOKUMEN YANG DIPERLUKAN

- Salinan Perjanjian Perkongsian / Memorandum dan Artikel Persatuan Badan Korporat.
- Sijil Pendaftaran Syarikat atau Borang 9, 24, 44 dan 49 Akta Syarikat 1965 yang disahkan oleh Setiausaha Syarikat.
- Pengisytiharan Berkanun *Pemilik Tunggal / Semua Rakan Kongsi (Borang D) / Semua Pengarah dan Pemegang Saham Dalam Badan Korporat.
- Fi Pembaharuan RM400.

BORANG 9A Pembaharuan Lembaga Pengarah/ Prinsipal

BORANG 9B Pembaharuan Nommee yang diberi kebenaran oleh Lembaga Pengarah/ Prinsipal

**BORANG 9A
FORM 9A**

**PERMOHONAN PEMBAHARUAN PERAKUAN PRAKTIK PERANCANG BANDAR BERDAPAT YANG
DIBERI KESENANAN OLEH LEMBAGA PENGARAH/PRINSIPAL
APPLICATION FOR RENEWAL OF CERTIFICATE OF PRACTICE AS A REGISTERED TOWN PLANNER FOR
BOARD OF DIRECTOR/PRINCIPAL OF BODY CORPORATE**

Ditamatkan oleh pihak pemohon dengan penuh kuasa
(To be completed by the applicant in block letters)

Nama
Name

Tarikh Lahir
Date of Birth

No. Kad Pengesahan
Identity Card No.

Kemal Pendaftaran
Business Address

No. Tel (Pegawai)
Tel No. (Staff)

No. Tel (Pegawai)
Tel No. (Staff)

Kemal Email
Email Address

No. Pendaftaran LPBM
LPBM Registered No.

No. Perakuan Praktek
Certificate of Practice No.

JAWAB:
Position

Terdapat berapa tahun bekerja
No. of years in present position

CA/TA/PA
NOTE:
Berkas permohonan ini akan diserahkan kepada pihak yang bertanggungjawab dalam memproses permohonan ini. Pemohon hendaklah memastikan bahawa semua maklumat yang diberikan adalah benar dan tepat. Jika maklumat palsu atau tidak mencukupi, permohonan ini akan ditolak. Pemohon hendaklah memastikan bahawa semua maklumat yang diberikan adalah benar dan tepat. Jika maklumat palsu atau tidak mencukupi, permohonan ini akan ditolak. Pemohon hendaklah memastikan bahawa semua maklumat yang diberikan adalah benar dan tepat. Jika maklumat palsu atau tidak mencukupi, permohonan ini akan ditolak.

**JELUAS/BUKUKAN PUKUKAT/BAHARU
FOR OFFICE USE ONLY**

Perakutan
Date received

Terdapat berapa tahun bekerja
No. of years in present position

Tukang perakuan praktikal
Date certificate received

Perakutan
Date received

Terdapat berapa tahun bekerja
No. of years in present position

Tukang perakuan praktikal
Date certificate received

No. Tel (Pegawai)
Tel No. (Staff)

Kemal Email
Email Address

No. Pendaftaran LPBM
LPBM Registered No.

No. Perakuan Praktek
Certificate of Practice No.

JAWAB:
Position

Terdapat berapa tahun bekerja
No. of years in present position

CA/TA/PA
NOTE:
Berkas permohonan ini akan diserahkan kepada pihak yang bertanggungjawab dalam memproses permohonan ini. Pemohon hendaklah memastikan bahawa semua maklumat yang diberikan adalah benar dan tepat. Jika maklumat palsu atau tidak mencukupi, permohonan ini akan ditolak. Pemohon hendaklah memastikan bahawa semua maklumat yang diberikan adalah benar dan tepat. Jika maklumat palsu atau tidak mencukupi, permohonan ini akan ditolak.

**BORANG 9B
FORM 9B**

**PERMOHONAN PEMBAHARUAN PERAKUAN PRAKTIK PERANCANG BANDAR BERDAPAT YANG
DIBERI KESENANAN OLEH LEMBAGA PENGARAH/PRINSIPAL
APPLICATION FOR RENEWAL OF CERTIFICATE OF PRACTICE AS A REGISTERED TOWN PLANNER
NOMINEE BY THE BOARD OF DIRECTOR/PRINCIPAL OF BODY CORPORATE**

Ditamatkan oleh pihak pemohon dengan penuh kuasa
(To be completed by the applicant in block letters)

Nama
Name

No. Kad Pengesahan
Identity Card No.

Kemal Pendaftaran
Business Address

No. Tel (Pegawai)
Tel No. (Staff)

Kemal Email
Email Address

No. Pendaftaran LPBM
LPBM Registered No.

No. Perakuan Praktek
Certificate of Practice No.

JAWAB:
Position

Terdapat berapa tahun bekerja
No. of years in present position

CA/TA/PA
NOTE:
Berkas permohonan ini akan diserahkan kepada pihak yang bertanggungjawab dalam memproses permohonan ini. Pemohon hendaklah memastikan bahawa semua maklumat yang diberikan adalah benar dan tepat. Jika maklumat palsu atau tidak mencukupi, permohonan ini akan ditolak. Pemohon hendaklah memastikan bahawa semua maklumat yang diberikan adalah benar dan tepat. Jika maklumat palsu atau tidak mencukupi, permohonan ini akan ditolak.

**JELUAS/BUKUKAN PUKUKAT/BAHARU
FOR OFFICE USE ONLY**

Perakutan
Date received

Terdapat berapa tahun bekerja
No. of years in present position

Tukang perakuan praktikal
Date certificate received

Perakutan
Date received

Terdapat berapa tahun bekerja
No. of years in present position

Tukang perakuan praktikal
Date certificate received

No. Tel (Pegawai)
Tel No. (Staff)

Kemal Email
Email Address

No. Pendaftaran LPBM
LPBM Registered No.

No. Perakuan Praktek
Certificate of Practice No.

JAWAB:
Position

Terdapat berapa tahun bekerja
No. of years in present position

CA/TA/PA
NOTE:
Berkas permohonan ini akan diserahkan kepada pihak yang bertanggungjawab dalam memproses permohonan ini. Pemohon hendaklah memastikan bahawa semua maklumat yang diberikan adalah benar dan tepat. Jika maklumat palsu atau tidak mencukupi, permohonan ini akan ditolak. Pemohon hendaklah memastikan bahawa semua maklumat yang diberikan adalah benar dan tepat. Jika maklumat palsu atau tidak mencukupi, permohonan ini akan ditolak.

DOKUMEN YANG DIPERLUKAN

- Salinan testimoni dan sijil yang diakui sah.
- Curriculum Vitae pemohon.
- Salinan Penyata Continuing Professional Development (Tahun Semasa).
- Fi Pembaharuan RM200/orang.



URUS SETIA
LEMBAGA PERANCANG BANDAR MALAYSIA

Aras 6, Blok F5, Kompleks F, Presint 1
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62675 Putrajaya.

Tel : 03 8091 0000

e-mel : lembagaperancang@gmail.com

Laman Web: <https://www.lpbm.gov.my>